

13 FEB 1996

Anwar - Belia

ANWAR MAHU KEPIMPINAN BELIA SEDIA PROGRAM JELAS

TANJUNG MALIM, 13 Feb (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahukan kepimpinan belia menumpukan perhatian ke arah menyediakan program yang berwawasan untuk generasi muda.

Katanya, generasi muda terutama di kalangan Melayu memerlukan program yang jelas lagi menyeluruh untuk menghadapi gejala sosial yang meruncing di kalangan mereka.

Beliau berkata demikian pada majlis berbuka puasa di Masjid Jamek Tanjung Malim, di sini malam ini. Yang turut hadir ialah Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Beliau berkata, masalah sosial di kalangan generasi muda Melayu amat serius walaupun orang Islam merupakan umat yang paling banyak belajar agama dan mengamalkan ajaran itu.

Katanya, daripada 200,000 penagih dadah yang didaftarkan, 70 peratus ialah anak Melayu.

Justeru itu, beliau berkata, pemimpin pelbagai peringkat perlu membimbing mereka ke jalan yang betul dengan menerapkan nilai-nilai mulia dan akhlak yang tinggi.

Anwar berkata, generasi muda bukan sahaja perlu digalakkan mempelajari agama dan mengamalkannya tetapi juga perlu dilatih untuk menghayatinya dalam kehidupan seharian.

Mengenai pembangunan daerah Tanjung Malim, Anwar mahukan kerajaan negeri dan HICOM mengadakan dialog dengan pengusaha industri kecil dan sederhana sebelum kilang kedua PROTON di daerah itu mula beroperasi.

Katanya, dialog itu perlu bagi memastikan pengusaha Melayu dapat melibatkan diri dalam projek berkenaan melalui industri sampingan.

Menurut beliau, tiada gunanya kerajaan membangunkan kawasan industri jika pengusaha Melayu tidak mendapat faedah daripadanya terutama dalam industri sampingan yang selama ini dikuasai pengusaha lain.

Upacara pecah tanah tapak kilang kedua PROTON di kawasan seluas 320 hektar di Behrang dekat sini akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 23 Mac. -- BERNAMA

AH FAZ